

17/05/1998

Nama ketua menteri baru belum diumumkan

SUBANG: Ketua Menteri Sabah yang baru bagi menggantikan Datuk Yong Teck Lee, akan diumumkan pada masa yang sesuai, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, semalam sekembalinya daripada lawatan ke Mesir dan Sudan, Perdana Menteri berkata, beliau sudah memikirkan secara serius mengenai calon Ketua Menteri Sabah yang baru.

"Saya berfikir mengenai Ketua Menteri Sabah sepanjang perjalanan saya. Tapi saya akan memberitahu anda apabila masanya tiba," katanya secara berseloroh.

Pada 7 Mei lalu, Perdana Menteri berkata beliau hanya akan mengumumkan nama calon pengganti Yong selepas kembali daripada lawatan rasmi ke Mesir dan Sudan.

Dalam pertemuan dengan pemimpin sembilan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah itu, Perdana Menteri diberi mandat untuk memilih pengganti Yong, yang dijadual tamat tempoh perkhidmatan sebagai ketua kerajaan negeri, 27 Mei ini.

Ditanya sama ada beliau akan mengumumkan nama bakal ketua menteri baru itu di Sabah atau di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, beliau belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

Menurutnya, setakat ini, beliau juga tidak bercadang untuk membuat lawatan ke negeri berkenaan.

Mengenai hasil lawatannya ke Mesir dan Sudan, Perdana Menteri berkata kedua-dua negara menunjukkan reaksi positif untuk mengadakan perdagangan dua hala dengan Malaysia.

(END)